

19/07/1998

Artis tempatan turut bantu atasi kegawatan ekonomi

PENGANJURAN Ekspo Papita-MPSJ '98 ialah sebagai tanda sokongan padu karyawan seni tanah air membantu kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi negara, selain tanda prihatin terhadap usaha memupuk kebanggaan menggunakan produk tempatan.

Sehubungan itu, semua artis tempatan diajak menjayakan acara itu dengan mengambil peluang membuka ruang niaga dan menjalankan pelbagai kegiatan yang mampu menarik orang ramai mengunjungi ekspo berkenaan.

Presiden Papita, A Rahman Hassan berkata, semua persatuan karyawan juga dialu-alukan menyertai ekspo itu yang kini turut mendapat sambutan di kalangan syarikat korporat dan swasta.

Ekspo berkenaan yang akan berlangsung dari 11 hingga 31 Ogos ini di Jalan USJ10/1 Persiaran Ikhlas, Subang Jaya, Selangor turut membuktikan sokongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedia untuk menyempurnakan perasmiannya.

Menurutnya, walaupun ekspo itu dianjurkan bersama kalangan orang yang terbabit dalam bidang muzik, ia bukan alasan supaya tidak bersama-sama kerajaan untuk merangsang rakyat membeli barangan keluaran tempatan.

"Setakat ini sambutan menyertai ekspo ini sangat baik dan kita menyediakan lebih 200 gerai dengan kadar sewaan berpatutan mengikut saiz," katanya dalam sidang akhbar, baru-baru ini.

Turut hadir, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Penaja utama ekspo itu ialah syarikat K H Chia Brothers yang menyumbang wang tunai RM50,000 serta Grand Brilliance dan USPD sebagai penaja bersama.

Kepada pihak dan karyawan yang berminat menyertainya, mereka boleh menghubungi Urusetia Ekspo Papita-MPSJ '98 di talian 03-4051637 @ 019-3282082 @ 013-3966432.

(END)